



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
ACCOUNTANT GENERAL'S DEPARTMENT MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 603-8882 1000
Faks : 603-8882 1042
Laman Web : www.anm.gov.my

Ruj : ANM(T)81/20/8/8/3 Jld.8 (27)
Tarikh : 4 Mei 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) JABATAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa JANM akan mengadakan Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan pada **19 dan 20 September 2018**. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amatlah diharapkan agar dapat memaklumkan perkara ini secara menyeluruh kepada semua anggota di bawah seliaan tuan yang layak mendudukinya, termasuk anggota yang berkhidmat di agensi dan badan berkanun seliaan kementerian atau jabatan YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

3. Berikut adalah syarat permohonan dan cara memohon peperiksaan PSL berkenaan:

i. Pegawai Yang Layak Memohon

Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang sedang berkhidmat dan telah disahkan dalam jawatan seperti yang ditetapkan di dalam Skim Perkhidmatan Pembantu Akauntan atau lain-lain jawatan tambahan yang ditetapkan dari semasa ke semasa (jika ada).

ii. **Cara memohon**

- a. Permohonan untuk menduduki peperiksaan PSL ini hendaklah dibuat secara *online* dengan melayari laman sesawang JANM di www.anm.gov.my
- b. Semua calon hendaklah memastikan maklumat yang dikemukakan adalah benar. **Sekiranya maklumat yang diberikan didapati tidak benar, keputusan peperiksaan berkenaan akan terbatal.**
- c. **Nombor kad pengenalan, kod peperiksaan dan kod pusat peperiksaan dan alamat surat menyurat** diisi dengan **lengkap dan betul** sebelum butang *submit* diklik.
- d. Permohonan selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

iii. **Sukatan Peperiksaan**

- i. Sukatan peperiksaan yang telah diluluskan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Kewangan adalah seperti di **Lampiran A.**

iv. **Tarikh Buka dan Tutup Permohonan**

- i. **Tarikh buka permohonan adalah pada 8 Mei 2018 (Selasa) dan akan ditutup pada 8 Jun 2018 (Jumaat) pukul 5.00 petang.**

4. Slip Arahan Calon yang mengandungi maklumat pusat, tarikh dan masa peperiksaan boleh dicetak melalui laman sesawang jabatan **dua (2) minggu** sebelum tarikh peperiksaan. Slip ini hendaklah dibawa bersama-sama semasa menghadiri peperiksaan berkenaan. **Sebarang pertukaran pusat peperiksaan tidak akan dilayan.**

5. Pegawai yang telah membuat permohonan untuk menduduki peperiksaan tetapi **tidak hadir tanpa mengemukakan alasan bertulis yang munasabah, AKAN DIGANTUNG satu (1) sesi peperiksaan.**


6. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan boleh dikemukakan terus kepada Urus Setia Peperiksaan JANM di talian 03-88821183/ 1197/ 1185 atau melalui email di alamat urus_pep@anm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan"

Saya yang menurut perintah,



DATO' ZAMIMI BIN AWANG C.A.(M)
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
b.p Akauntan Negara Malaysia

- s.k:
- i. Semua Pengarah Bahagian JANM
 - ii. Semua Pengarah Negeri/Cawangan JANM
 - iii. Fail Timbul

**UJIAN KEMAHIRAN UNTUK PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)
TERUS KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG AKAUNTAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

1. **Punca Kuasa**
 - i. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 1985
 - ii. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 5 Tahun 2011

2. **Matlamat Peperiksaan**
 - i. Untuk mengukur kesesuaian Pembantu Akauntan dari segi potensinya untuk dilantik ke jawatan di dalam Skim Perkhidmatan Penolong Akauntan melalui urusan Peningkatan Secara Lantikan.

 - ii. Untuk menguji kemahiran Pembantu Akauntan berdasarkan kepada pengalamannya di dalam menjalankan tugas-tugas rasmi

3. **Tujuan Peperiksaan**
 - i. Untuk memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat kelayakan masuk ke Skim Perkhidmatan Penolong Akauntan melalui urusan Peningkatan Secara Lantikan.

4. **Pegawai Yang Layak Mengambil Peperiksaan ini**
 - i. Pembantu Akauntan (Gred W19, W22, W26 dan W28) dan Pembantu Tadbir (Kewangan) (Gred W19, W22, W26 dan W28) yang sedang berkhidmat dan telah disahkan dalam jawatan seperti yang ditetapkan di dalam Skim Perkhidmatan Pembantu Akauntan atau lain-lain jawatan tambahan yang ditetapkan dari semasa ke semasa (jika ada).

Sukatan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan

5. **Peperiksaan Khas Ini Mengandungi** : **Ujian Kemahiran**
Ujian ini akan dikendalikan oleh Panel Subjek Peperiksaan Khas di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
6. **Kandungan Sukatan Peperiksaan Khas – Ujian Kemahiran** : Calon-calon akan diuji berdasarkan undang-undang, peraturan-peraturan dan perkara-perkara yang disenaraikan di para 12. Soalan-soalan yang dikemukakan lebih menitikberatkan kepada:
- i. Menguji kemahiran calon menggunakan undang-undang, peraturan-peraturan berkaitan di dalam melaksanakan tugas-tugas harian.
 - ii. Meneliti, menilai dan menyelesaikan masalah-masalah melalui pengkajian kes sebenar atau kes yang direka.
 - iii. Memberikan pendapat serta mengemukakan hujah-hujah menyokong sesuatu pendirian berhubung dengan undang-undang, peraturan-peraturan dan perkara-perkara berkaitan.
 - iv. Menguji kemahiran calon-calon mengemukakan hujah-hujah melalui penganalisan mengenai sesuatu laporan atau masalah.
- Semua soalan yang dikemukakan akan menguji kemahiran seseorang calon berdasarkan kepada pengalaman kerja.

Sukatan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan

7. Sukatan Peperiksaan (termasuk masa dan soalan)

Soalan adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

7.1 PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG, PROSEDUR KEWANGAN

7.1.1 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Bahagian 4: Persekutuan

Bab 5 - Tatacara perundangan - Perkara (66) hingga (68)

Bab 6 – Keupayaan Keupayaan berkenaan dengan harta, kontrak dan guaman – Perkara (69)

Bahagian 6: Perhubungan Antara Persekutuan Dengan Negeri-Negeri

Bab 5 – Pembangunan negara - Perkara (92)

Bahagian 7: Peruntukan Kewangan

Bab 1 – Am - Perkara (96) hingga (111)

Bab 2 – Pemakaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak - Perkara (112A) hingga (112D)

Jadual Kelapan – Peruntukan yang hendaklah Dimasukkan ke dalam Perlembagaan Negeri

Bahagian I - Peruntukan Tetap Perkara (11) dan (12)

Jadual Kesepuluh - Pemberian dan Sumber Hasil yang Diserahkan kepada Negeri

Bahagian 1 hingga Bahagian 5

7.1.2 ARAHAN PERBENDAHARAAN

Bab A hingga Bab C

7.1.3 AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 (PINDAAN 1972)

7.1.4 AKTA WANG TIDAK DITUNTUT (1965)

7.1.5 SURAT PEKELILING JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

7.1.6 PEKELILING/ SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA

Sukatan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan

7.2 PRINSIP PERAKAUNAN

7.3 PERAKAUNAN PENGURUSAN

- 7.3.1 Sistem Perakaunan Mikro
- 7.3.2 Pengkosan
- 7.3.3 Belanjawan
- 7.3.4 Perakaunan Stor, Inventori dan Aset
- 7.3.5 Perakaunan Dana
- 7.3.6 Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Amanah

7.4 PENYEDIAAN PERAKAUNAN KEWANGAN

- 7.4.1 Penyata Akaun Tahunan
- 7.4.2 Penyata Belanjawan dan Hasil
- 7.4.3 Penyata Aset dan Tanggungan
- 7.4.4 Penyata Aliran Wang Tunai
- 7.4.5 Penyata lain yang berkaitan

7.5 PENGAUDITAN DAN KAWALAN DALAMAN

7.6 PROSESAN DATA ELEKTRONIK

8. Soalan-soalan akan disediakan seperti berikut:

6.1 SEKSYEN A

- Bentuk Soalan : Esei
- Masa : 3 jam
- Bilangan Soalan : 6 jawab 4 (40 markah)

6.2 SEKSYEN B

- Bentuk Soalan : Kajian Kes
- Masa : 3 jam
- Bilangan Soalan : 4 jawab 3 (60 markah)

9. Keputusan : LULUS/ GAGAL
(Calon perlu lulus kedua-dua Seksyen A dan Seksyen B)

Sukatan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan

10. **Pengecualian** : Calon-calon yang telah lulus Ujian Kemahiran di dalam sukatan peperiksaan ini adalah dikecualikan daripada mengambil semula peperiksaan.
11. **Pemeriksa Dilantik Oleh** : Panel Subjek, Peperiksaan Khas Jabatan Akauntan Negara Malaysia
12. **Bahasa** : Bahasa Malaysia
(Soalan dan Jawapan)
13. **Permohonan Dikemukakan Kepada** :
(secara dalam talian) :
 Urus Setia Peperiksaan JANM
 Bahagian Pembangunan
 Perakaunan dan Pengurusan
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia
 Aras 7, Kompleks Kementerian
 Kewangan
 No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
 62594 Putrajaya
 Tel: 03-8882 1183/ 1197/ 1185
 Emel: urus_peg@anm.gov.my
15. **Pusat Peperiksaan Akan Ditetapkan Oleh** : Urus Setia Peperiksaan JANM
16. **Bahan Rujukan**

Calon-calon adalah dibenarkan merujuk kepada Undang-undang, Peraturan-peraturan, Pekeliling dan buku rujukan **terkini** yang berkaitan.

- 16.1 Perlembagaan Persekutuan
- 16.2 Perintah Am Kerajaan
- 16.3 Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972)
- 16.4 Arahan Perbendaharaan
- 16.5 Tatacara Pengurusan Stor
- 16.6 Pekeliling Perbendaharaan
- 16.7 Surat Pekeliling Perbendaharaan
- 16.8 Surat Pekeliling Dan Arahan Akauntan Negara Malaysia

Sukatan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan

- 16.9 Pekeliling Perkhidmatan
- 16.10 Surat Pekeliling Perkhidmatan
- 16.11 Pekeliling Am
- 16.12 Surat Pekeliling Am
- 16.13 Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 3 Tahun 1992 –
Garis Panduan Sistem Perakaunan Mikro (SPM)
- 16.14 Format Buku Dan Dokumen-Dokumen Kewangan Kerajaan
- 16.15 Introduction to Financial Accounting
Oleh: Andrew Thomas
Penerbit: Mcgraw-Hill
- 16.16 Business Accounting
Oleh: Wong Sei Van dan Andrew Leong Fook Chee
Penerbit: Prentice Hall
- 16.17 Accounting Principles
Oleh: Weygandt, Kieso dan Kimmel
Penerbit: Willey
- 16.18 Financial Accounting
Oleh: Meigs, Williams, Haka dan Bettner
Penerbit: McGraw Hill
- 16.19 Principles Of Financial Accounting
Oleh: Gillespie, Lewis dan Hamilton
Penerbit: Prentice Hall
- 16.20 Accounting In Australia
Oleh: Hoggett, Edwards dan Medlin
Penerbit: Wiley
- 16.21 Business Accounting: Volume 1
Oleh: Frank Wood
Penerbit: Pearson
- 16.22 Business Accounting: Volume 2
Oleh: Frank Wood.
Penerbit: Pearson
- 16.23 Financial Accounting: An Introduction
Oleh: Roshayani A., Laily U., Siti M.
Penerbit: McGraw Hill

Sukatan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan

- 16.24 Perakaunan Kewangan
Oleh: Engku Ismail Engku Ali, Robiah Abu Bakar, Faudziah Hanim dan Syed Soffian Syed Ismail
Penerbit: UUM Press
- 16.25 Perakaunan Kewangan
Oleh: Wan Madznah Wan Ibrahim dan Zaleha Abdul Shukor
Penerbit: Fajar Bakti
- 16.26 Prinsip Dan Amalan Perakaunan Awalan
Oleh: Barjoyai Bardai
Penerbit: Pustaka Johami
- 16.27 Prinsip Perakaunan
Oleh: Wan Madznah Wan Ibrahim
Penerbit: Oxford Fajar
- 16.28 The Essential Handbook of Internal Auditing
Oleh: K.H Spencer Pickett
Penerbit: Wiley
- 16.29 Asas Pengauditan
Oleh: Takiah Iskandar
Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka
- 16.30 Pengauditan
Oleh: Mohd Abdullah Jusoh dan Hazianti Abdul Halim
Penerbit: CERT Publication
- 16.31 Auditing and Assurance Services in Malaysia
Oleh: William F. Messier, Steven M. Glover, Douglas F. Prawitt dan Margaret Boh
Penerbit: McGraw Hill
- 16.32 Enterprise Risk Management – Integrated Framework – Executive Summary and Framework & Application Techniques
Oleh: Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission (COSO)
Penerbit: AICPA